

Cuepacs tolak cadangan Skim Pencen Bercarum

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Majlis Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) sebulat suara menolak Skim Pencen Bercarum (SPB) yang dicadangkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum ini.

Presidennya, Omar Osman berkata, walaupun 140 orang ahli majlis yang bermesyuarat hari ini menolak cadangan JPA itu tetapi mereka masih membuka pintu rundingan jika JPA mempunyai cadangan baru mengenai skim pencen dari semasa ke semasa.

"Cuepacs menolak skim itu kerana ia masih tidak dapat satu penjelasan yang komprehensif mengenai sistem itu.

"Sistem pencen yang ada sekarang ini lebih baik daripada SPB. Kita tak nampak lagi penyamaan SPB dengan skim yang ada sekarang ini atau yang mengatakan SPB

adalah satu skim yang lebih baik lagi," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Sebelum ini, Cuepacs beberapa kali meragui cadangan SPB dan keputusan rasmi mengenai dimaklumkan selepas kesemua anggota Majlis Cuepacs bersidang hari ini.

Omar berkata, jika JPA mampu mengemukakan cadangan baru yang lebih baik daripada skim pencen sekarang, Cuepacs bersedia membuat pertimbangan dan membincangkannya.

Beliau juga berkata, terserah kepada kerajaan jika ia hendak meneruskan skim itu tetapi Cuepacs sebagai badan tertinggi yang mewakili sektor seramai 1.2 juta kakitangan awam tetap berpencen tidak mahu dipersalahkan jika skim terbaru ini yang tidak menguntungkan terutamanya kepada generasi baru kakitangan awam.

13/2/2009

Sistem pencen yang ada sekarang ini lebih baik daripada SPB. Kita tak nampak lagi penyamaan SPB dengan skim yang ada sekarang ini

**OMAR
OSMAN**
Presiden
Cuepacs

Mengenai langkah kerajaan ingin melanjutkan umur persaraan daripada 56 tahun ke 60 tahun, Omar berkata, Cuepacs bersetuju dan meminta JPA membuat kajian berhubung perkara itu yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru-baru ini.

Katanya Cuepacs, juga berpendapat dengan melanjutkan umur persaraan wajib ini, kerajaan dapat menjimatkan kos dari segi pembayaran pencen dan juga belanja perubatan.

Ditanya mengenai peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), beliau berka-

ta, Cuepacs sejak awal-awal lagi telah menolak pelaksanaannya dan penambahbaikan yang dibuat oleh JPA nampaknya masih tidak mencapai matlamatnya.

"Ada yang lulus aras empat dan wajar dapat anjakan gaji serta boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat tetapi tidak juga dilaksanakan, sebaliknya dikenakan pula syarat-syarat tambahan," kata Omar.

"Kita nak PTK digantikan dengan pakej baru yang diselaraskan dengan aspek pembangunan modal insan dan kualiti kerja," katanya.

- Bernama